



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

4 DISEMBER 2023

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024 : SEKILAS DATA



1
NEGERI



1
DAERAH



1,478
KELUARGA



4,570
MANGSA



11
PPS AKTIF




1
KEMATIAN

PASIR MAS

PPS Aktif : 11

Keluarga : 1,478

Mangsa : 4,570



PETUNJUK

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

- 1 – 1,000
- 1,001 – 5,000
- Melebihi 5,000



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

4 DISEMBER 2023



SITUASI TERKINI

- Sehingga **4 Disember 2023, jam 12.00 tengah hari**, hanya daerah Pasir Mas di negeri Kelantan sahaja yang masih mengalami banjir. **Peningkatan sebanyak 72% mangsa** direkodkan **dalam tempoh 24 jam** kepada **4,570 orang mangsa** melibatkan **1,478 keluarga** yang ditempatkan di **11** buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).
- Profil daerah Pasir Mas berdasarkan Dashboard Bencana yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **satu (1) kematian** akibat banjir melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berlaku di Kota Bharu, Kelantan pada **26 November 2023** direkodkan setakat ini.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Pihak MET Malaysia pada **4 Disember 2023 jam 1.00 petang** telah mengeluarkan amaran hujan berterusan **peringkat waspada** yang melibatkan beberapa daerah di negeri **Kelantan, Terengganu** dan **Pahang** mulai **6 hingga 8 Disember 2023**.
- **Tiga (3) stesen meteorologi utama** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **3 Disember 2023** adalah **Kuala Terengganu, Terengganu (74.8 mm), Kota Bharu, Kelantan (59.0 mm) dan Mersing, Johor (57.4 mm)**. Jumlah hujan harian tertinggi untuk tempoh 7 hari lepas adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Situasi banjir bertambah baik di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun berdasarkan analisis model-model cuaca, penumpuan angin dijangka berlaku di pantai timur Semenanjung Malaysia pada **6 hingga 8 Disember 2023**. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi membawa hujan berterusan di kawasan terbabit.
- **Tiada amaran banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) buat masa ini, namun **dua (2) sungai di Miri, Sarawak** dan **satu (1) sungai di Pasir Mas, Kelantan** telah mencatatkan kenaikan aras air **melebihi aras bahaya**, justeru kesiapsiagaan semua pihak perlu dipertingkatkan di kawasan-kawasan terbabit.
- Berdasarkan rekod kawasan *hotspot* dan cerun kritikal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), **tiada kawasan yang berisiko** mengalami tanah runtuh di kawasan yang dilanda banjir di Pasir Mas, Kelantan.



IMPAK

- Bagi tempoh **11 November hingga 4 Disember 2023**, secara kumulatif seramai **3,641 keluarga** dan **12,939 mangsa** telah ditempatkan di PPS.
- **16 Sekolah Rendah** dan **1 Sekolah Menengah** masih mengalami banjir di seluruh Malaysia.
- **Sepuluh (10)** Institusi pendidikan yang masih dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ialah **tujuh (7) Sekolah Rendah** dan **tiga (3) Sekolah Menengah** di **Pasir Mas, Kelantan**.
- Berdasarkan laporan oleh Jabatan Pertanian Malaysia, pada **1 Disember 2023**, secara kumulatif anggaran keseluruhan kawasan terlibat dengan banjir MTL adalah **1,322.83 hektar** dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak **RM4,257,706.00** dan melibatkan **652 orang petani**.
- Berdasarkan laporan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), **empat (4) jalan raya masih ditutup** di kawasan yang dilanda banjir **setakat 4 Disember 2023**:
 - Jln. Panglima Bayu - Rantau Panjang - Jeram Perdah (FT196)
 - Jln. Pengkalan Rakit - Batu Karang (D185)
 - Jln. SK Gual Tok Deh (D333)
 - Jln. Tok Deh - Gual Periok (FT197)
- Berdasarkan laporan oleh JKR, **empat (4) jalan raya alternatif** yang boleh dilalui di kawasan yang dilanda banjir **setakat 4 Disember 2023**:
 - Jalan Kota Bharu - Rantau Panjang (FT196)
 - Jalan Pasir Mas - Rantau Panjang (D185)
 - Jalan Rantau Panjang Lama (D333)
 - Jalan Kota Bharu - Rantau Panjang (FT197)



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

4 DISEMBER 2023



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** di seluruh negara yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **1,620,855** mangsa di seluruh negara.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi dan fasiliti penyimpanan barang keperluan bencana yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah makanan berbungkus (*Packed Food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti kain batik, kain pelikat, kit kebersihan dan kit minuman.
- JKM juga memperkenalkan makanan retort sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- Tindakan awal yang telah diambil oleh JPS ialah menyediakan pam air dan setakat 4 Disember 2023 masih **tiada penggunaan pam air** di lokasi PPS yang terlibat banjir.
- **Tiada kawasan yang diputuskan bekalan elektrik** akibat banjir dan setakat ini bekalan elektrik di semua kawasan termasuk di PPS adalah terkawal.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2023/2024.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas yang ditempatkan di negeri Kelantan adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- Tip Keselamatan Banjir :
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari:
<https://portalbencana.nadma.gov.my> dan
<https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

4 DISEMBER 2023

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA

| BIL. | DAERAH | JUMLAH PENDUDUK | JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN | JUMLAH ISI RUMAH | SEKOLAH | FASILITI KESIHATAN | JUMLAH HOTSPOT BANJIR |
|------|-----------|-----------------|------------------------|------------------|---------|--------------------|-----------------------|
| 1. | Pasir Mas | 276,843 | 65,427 | 54,226 | 83 | 33 | 217 |



LAPORAN HARIAN BENCANA


AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

4 DISEMBER 2023

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI (mm)





LAPORAN HARIAN BENCANA

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2023

Lampiran 3

FASILITI PENYIMPANAN BARANG KEPERLUAN BENCANA JKM

| BIL. | NEGERI | DSKB | STOR NEGERI | STOR DAERAH | MINI DEPOH / KONTENA | PANGKALAN HADAPAN |
|---------------|-------------------|----------|-------------|-------------|----------------------|-------------------|
| 1. | Perlis | - | 1 | - | - | 1 |
| 2. | Kedah | 1 | - | 6 | 7 | - |
| 3. | Pulau Pinang | - | - | 5 | 2 | 2 |
| 4. | Perak | - | 1 | 13 | 9 | - |
| 5. | Selangor | 1 | - | 12 | 2 | 37 |
| 6. | W.P. Kuala Lumpur | - | 1 | 1 | 1 | - |
| 7. | Negeri Sembilan | - | 2 | 7 | - | - |
| 8. | Melaka | - | 1 | 3 | 4 | - |
| 9. | Johor | 1 | 1 | 10 | 3 | 23 |
| 10. | Pahang | 1 | 1 | 11 | 14 | 156 |
| 11. | Terengganu | 1 | - | 9 | 13 | 150 |
| 12. | Kelantan | 1 | - | 17 | 5 | 160 |
| 13. | Sarawak | 1 | - | 12 | 3 | 27 |
| 14. | Sabah | 1 | 1 | 21 | 5 | 5 |
| 15. | W.P. Labuan | - | - | 1 | - | - |
| JUMLAH | | 8 | 9 | 128 | 68 | 561 |

DSKB - Depot Simpanan Keperluan Bencana



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

30 NOVEMBER 2023

Lampiran 4

JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS MENGIKUT NEGERI :

| BIL. | NEGERI | AGENSI | ANGGOTA | ASET |
|------|----------|--|---------|--|
| 1. | KELANTAN | ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM) | 79 | BOT: 7, AMBULANS: 1, LORI: 1, MOTOSIKAL: 4, 4x4: 3 |
| | | ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) | 57 | LORI (3 TAN): 2, LORI (1 TAN): 2 |
| | | JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) | 104 | 4x4: 10, FRT/LFRT: 9, LORI : 3, EMRS: 2 |
| | | POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) | 59 | 4X4: 4, BOT: 2, LORI: 1 |